

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100-6/4/1(8)

16 April 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2008

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PEROLEHAN “SELF INKING RUBBER STAMP”

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk menerangkan garis panduan perolehan “Self Inking Rubber Stamp”

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Universiti tidak mempunyai peraturan yang khusus berkaitan perolehan “Self Inking Rubber Stamp”.
- 2.2 Berdasarkan pembayaran kepada pembekal yang diterima daripada Pusat Tanggungjawab (PTj), Pejabat Bendahari telah mendapati bahawa perolehan bagi “Self Inking Rubber Stamp” tidak dikawal di PTj terutamanya di fakulti yang meluluskan pembelian “Self Inking Rubber Stamp” untuk staf akademik. Terdapat juga PTj yang membeli self inking untuk staf sokongan, pejabat dan makmal.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bil 4/2007 telah meluluskan garis panduan perolehan “Self Inking Rubber Stamp”.

3.0 GARIS PANDUAN PEROLEHAN “SELF INKING RUBBER STAMP”

- 3.1 Perolehan “Self Inking Rubber Stamp” hanyalah dibenarkan bagi jawatan utama di Fakulti iaitu Dekan dan Timbalan Dekan sahaja.
- 3.2 Bagi PTj yang lain, hanya Pengurus Bahagian sahaja dibenarkan membuat perolehan “Self Inking Rubber Stamp”.
- 3.3 Perolehan “Self Inking Rubber Stamp” untuk nama makmal atau pejabat adalah tidak dibenarkan.

- 3.4 Perolehan "Self Inking Rubber Stamp" untuk staf selain dinyatakan di para 3.1 & 3.2 adalah tidak dibenarkan.

4.0 TINDAKAN SEKIRANYA GARIS PANDUAN TIDAK DIPATUHI

- 4.1 Sekiranya Staf tidak mematuhi peraturan berkaitan perolehan "Self Inking Rubber Stamp" seperti yang dinyatakan pada para 3.0, Pejabat Bendahari akan menjelaskan bayaran kepada pembekal. Walaubagaimanapun, bil tersebut akan dipertanggungkan kepada pegawai yang meluluskan perolehan tersebut melalui kaedah pemotongan gaji.

5.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan

Kerjasama dan perhatian daripada Y.Bhg.Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah sangat diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

Yang benar,



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

☎ : Samb. 7050

- s.k - Y Bhg. Naib Canselor
- Y Bhg. Timbalan Naib Canselor (hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Y Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Ketua Unit Audit Dalam